



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

Jawatan	:	Penyelia Taska dan Tadika MARA (Perempuan)
Gred	:	DC41
Jadual Gaji	:	RM 1,806.24 (minima) RM 3,560.08 (maksima)
Taraf Jawatan	:	Kontrak

1. SYARAT LANTIKAN :

1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a. warganegara Malaysia dan **beragama Islam**;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi dari 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji Permulaan ialah pada Gred DC41 : RM1,944.62] atau
 - ii. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
[Gaji Permulaan ialah pada Gred DC41 : RM2,149.03] atau

- iii. ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi- institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji Permulaan ialah pada Gred DC41: RM2,149.03]

- 1.2 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan
- 1.3 Lulus Kursus Pertolongan Cemas yang diiktiraf oleh badan-badan yang berkaitan.

2. PENGALAMAN

Minimum 2 tahun pengalaman bertugas di Taska yang berdaftar dengan JKM.

3. BIDANG TUGAS

- 3.1 Melaksanakan Pendidikan Awal Kanak-kanak mengikut Kurikulum Pra Sekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan dan Akta Asuhan Kanak-Kanak.
- 3.2 Menyelaras penggunaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan Akta Pendidikan 1996 Pindaan 2002 di Tabika serta Modul Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 di Taska.
- 3.3 Merancang, menyelaras dan menyediakan laporan penilaian perkembangan kanak-kanak dari aspek kognitif, efektif dan psikomotor.
- 3.4 Memastikan alat bahan pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan kurikulum.

- 3.5 Mengkaji, mengenalpasti kesesuaian, keperluan dan keberkesanan alat pendidikan, alat bantu mengajar, buku dan nilai tambah bahan-bahan tersebut untuk kegunaan di Tabika dan Taska.
- 3.6 Merancang dan menyelaras bahan-bahan bercetak seperti Rancangan Aktiviti Harian (RAH), garis panduan dan sijil.
- 3.7 Menjalinkan kerjasama dan perkongsian bijak dengan lain-lain agensi untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak.

4. CARA MEMOHON

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan secara **online** yang boleh dilayari melalui laman web MARA di www.mara.gov.my.
- 4.2 Salinan sijil-sijil kelayakan yang disahkan dan lain-lain keterangan peribadi dan hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temuduga.
- 4.3 Hanya permohonan yang dibuat melalui laman web MARA sahaja yang akan diterima. Permohonan yang lewat diterima atau tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan akan ditolak.
- 4.4 Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **21 November 2016**.

5. CARA PELAKSANAAN

- 5.1 Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan. **Keutamaan adalah kepada pemegang ijazah dan diploma di dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.**
- 5.2 Adalah ditegaskan bahawa pemohon-pemohon yang melepasi saringan sahaja yang akan dipanggil temuduga.

- 5.3 Penempatan adalah di Taska MARA, Tingkat 2, Bangunan TH Perdana, Jalan Sultan Ismail Kuala Lumpur.
- 5.4 Pemohon yang mempunyai kelayakan Sijil / Diploma / Ijazah dari Institusi Luar Negara dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah membuat semakan **pengiktirafan kelayakan** melalui laman web **<https://app.mohe.gov.my>** dan hendaklah mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa menghadiri temuduga nanti.
- 5.5 Pemohon-pemohon yang berjaya dalam temuduga sahaja akan dihubungi. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Membandarkan Luar Bandar'

RAZLAN BIN HJ. SAMSURI
Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
MARA

Keusahawanan
& Pendidikan **Global**
"Amanah rakyat"

